


27th October 2010

Kenang-kenangan (UKM: 1978-1982)



[\[http://3.bp.blogspot.com/_WKzV8uPN_9A/TMg0UGI8Dml/AAAAAAAAAXU/fE2TfMqNCi4/s1600/ukm-crop.jpg\]](http://3.bp.blogspot.com/_WKzV8uPN_9A/TMg0UGI8Dml/AAAAAAAAAXU/fE2TfMqNCi4/s1600/ukm-crop.jpg)

Pada bulan Julai 1978 saya mendapat tawaran ke UKM, dan lewat seminggu dari rakan-rakan yang lain, mungkin sebab dari keputusan peperiksaan Matrikulasi saya. Pada waktu itu semua Fakulti UKM di Kuala Lumpur baru berpindah ke Kampus yang lebih besar di Bangi kecuali Fakulti Sains dan Fakulti Perubatan. Saya menjalani minggu orientasi bersama-sama mahasiswa baru yang lain di Bangi.

Selepas selesai orientasi di Bangi pelajar-pelajar Fakulti Sains dan Fakulti Perubatan pulang ke kampus di Kuala Lumpur. Kampus Kuala Lumpur ada lah di Pantai Bahru, bersebelahan dengan Universiti Malaya dan di Jalan Universiti, Seksyen 17, Petaling Jaya. Saya ditempatkan di asrama Seksyen 17 Petaling Jaya. Asrama tersebut merupakan flat PKNS empat tingkat yang di sewa oleh UKM bagi dijadikan asrama pelajar.

Sebagai mahasiswa Fakulti Sains, pada tahun pertama saya belajar semua subjek Sains iaitu Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik. Kuliah dijalankan di kampus Pantai Baharu pada sebelah pagi, sementara makmal di sebelah petang di Jalan Universiti PJ.

Di Tahun Dua saya mula membuat pengkhususan, iaitu Biologi, dan membuat pengkhususan Mikrobiologi pada tahun ketiga. Bermula Tahun Dua juga saya sudah tidak tinggal di asrama UKM lagi. Saya telah menyewa bilik di Asrama YPM di Jalan Tandok, Bangsar. Asrama YPM adalah Asrama Yayasan Pelajaran Mara yang menempatkan pelajar-pelajar Melayu, lelaki dan perempuan dari UM dan UKM dengan mengenakan bayaran sewa yang murah.

Pengajian semua subjek adalah di dalam Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu. Pada masa itu terdapat dua orang pensyarah Peace Corp yang berasal dari Amerika, yang mengajar Botani dan Zoologi di dalam Bahasa Melayu yang fasih. Di antara guru-guru saya adalah Prof Shahir Mohd Zain, pensyarah Matematik. Prof Baharudin Yatim pensyarah Fizik, Prof Jamjan Rajikan pensyarah Kimia dan Prof Arbain Kadri pensyarah Biologi.

Pada tahun pertama saya masih tidak dapat lagi skil belajar di universiti, yang menyebabkan saya gagal dua kertas iaitu Kimia dan Matematik. Pada cuti semester dua Tahun Satu, saya mengulang peperiksaan bagi kedua-dua kertas tersebut, tetapi hanya lulus kertas Kimia dan terpaksa mengulang kertas Matematik pada Tahun Dua.

Se waktu Tahun Satu saya memohon Pinjaman Pelajaran dari Yayasan Melaka. Jumlah pinjaman yang diberikan adalah sebanyak RM 2,100 setahun. Pada Tahun Dua saya telah cuba memohon Dermasiswa Negeri Johor dan saya

berjaya, mereka memberi jumlah yang sama seperti pinjaman Melaka, cumanya saya tidak perlu membayar balik. Saya mendapat Dermasiswa Negeri Johor sehingga tahun akhir di UKM.

Saya merasakan tahun-tahun pengajian saya di UKM adalah tahun yang paling seronok sepanjang usia dewasa saya. Ini kerana saya bersama kawan-kawan yang sama pemikiran dan minat di asrama, kuliah dan di makmal. Peperiksaan tidak menjadi tekanan pada saya pada waktu itu. Pada Tahun Empat, masa kami banyak dihabiskan di makmal untuk menyiapkan projek tahun akhir. Semua kawan-kawan perempuan sekelas saya tinggal di YPM. Setiap malam balik dari makmal kami akan makan di gerai-gerai di Jalan Riong berhampiran New Straits Times yang berdekatan dengan Asrama YPM.

Selain dari pergi balik kuliah dan makmal setiap hari, beberapa peristiwa yang signifikan berlaku sepanjang saya di UKM. Di antaranya adalah pada tahun 1979 telah berlakunya Revolusi Iran di Iran. Kampus UKM pada masa itu turut merasakan semangat revolusi tersebut yang mana gambar-gambar Ayatollah Khomeini terdapat di merata-rata tempat dan dikepit oleh mahasiswa di fail-fail mereka. Pada tahun-tahun 1978-1980 Pergerakan Darul Arqam dan Ustaz Ashaari juga sangat popular. Saya bersama kawan-kawan sekuliah bersemangat mengikuti kuliah-kuliah Ustaz Ashaari pada hujung minggu di Sungai Pencala. Kemasukkan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO juga menjadi cerita besar, yang membuat saya merasa hairan terhadap sebahagian mahasiswi yang menangis apabila mendapat tahu berita tersebut.

Saya menamatkan pengajian pada bulan April 1982. Dengan kelulusan yang minima, iaitu Kelas Dua Bawah saya menerima skrol saya pada Konvokesyen ke 10 UKM di Bangi dari Pro Cancellor nya Tun Tan Siew Sin, mantan Menteri Kewangan Pertama Malaysia. Perasaan yang saya rasa apabila melangkah masuk ke DECTAR bersama rakan-rakan graduan yang lain adalah sama seperti semasa saya mendapat surat tawaran masuk ke UKM iaitu becampur baur di antara lega, syukur dan bahagia.

Disiarkan 27th October 2010 oleh [siti khadijah](#)

Label: [Kenangan](#)

5 Lihat ulasan



Fadzlin 10/28/2010 12:47 PTG

Kalau tengok gambar-gambar Mama ketika zaman universiti, boleh dirasakan juga keseronokan zaman tu. Mama masih simpan surat tawaran UKM? Wah..

[Balas](#)



Haizir 10/29/2010 10:46 PG

Salam, Kak Ngah. Macam mana boleh mohon pinjaman dari Johor? Dan hakikat penubuhan UKM sebagai manifestasi perjuangan bahasa Melayu pada tahun 70-an semakin terlupakan kini setelah 30-40 tahun. Lebih sesal, UKM kini jadi pusat kepada Permata Pintar, projek "suka-suka" Big Mama.

[Balas](#)



siti khadijah 10/29/2010 5:29 PTG

Salam, Alin: betul, nak upload gambar-gambar tak elok pulak sebab kawan-kawan semua sudah bertudung. Haizir: bukannya pinjaman, dermasiswa, Johor ada banyak duit agaknya pada masa itu. Dermasiswa pada masa itu dia orang beri juga kepada yang bukan rakyat Johor. Anak Johor dapat biasiswa, yang jumlahnya lebih banyak.

[Balas](#)

Hussin 11/08/2010 2:58 PTG